

Tuanku Muhriz mahu pihak berkuasa agama negeri pantau aktiviti sebar ajaran sesat

Oleh NORAFIDAH ASSAN
KUALA PILAH

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir mahu supaya tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar mengikut enakmen syariah negeri.

Baginda bertitah, pada September tahun lalu negara dikejutkan dengan pendedahan penderaan kanak-kanak dan isu buruh paksa yang telah sekian lama berlaku di rumah-rumah kebajikan dan perniagaan kendalian GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

"Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan turut membuat siasatan dan mendapati bahawa ajaran serta kepercayaan yang diamalkan oleh GISBH sama seperti Al-Arqam yang telah diwartakan pada tahun 2016 sebagai sesat dan menyeleweng.

"Oleh itu, supaya kejadian seperti ini tidak berlaku lagi, beta menyeru kepada pihak berkuasa agama negeri agar sentiasa membuat pemantauan dan menyebarkan maklumat mengenai

individu atau kumpulan yang menyebarkan ajaran sesat kepada masyarakat," titah baginda pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bersempena Hari Keputeraan ke-77 baginda di Istana Besar Seri Menanti di sini pada Selasa.

Baginda juga menyeru kepada rakyat yang beragama Islam agar lebih berhati-hati dan membuat semakan terlebih dahulu sebelum mengikuti sebarang pengajian ilmu agama.

"Ini dapat mengelakkan kita daripada mengikuti ajaran yang salah dan mempunyai agenda terselindung di sebalik perkataan Islam. Beta amat berharap dan berdoa agar syiar agama Islam terus kekal terpelihara di negeri ini," titah baginda.

Baginda turut bertitah mengenai penekanan terhadap tiga agenda utama dalam memastikan kesejahteraan rakyat di negeri ini yang mana ketiga-tiga agenda tersebut adalah sasaran untuk ditangani dengan baik pada tahun 2025.

"Beta disembah maklum bahawa terdapat tiga agenda utama dalam memastikan kesejahteraan rakyat pada masa ini iaitu kemurnian dan peng-



Tuanku Muhriz berkenan bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Ke-77 baginda di Istana Besar Seri Menanti pada Selasa.

hayatan aqidah Islamiah yang benar, kecaknaan terhadap perkembangan teknologi terkini dan pengurusan alam sekitar yang mampan dalam merancang pembangunan negeri," titah baginda.

Dalam pada itu, baginda mengingatkan kepada kerajaan baginda agar mengambil kira

perkembangan teknologi terkini dalam memodenkan pentadbiran dan perancangan pembangunan negeri.

"Aplikasi teknologi terkini dalam pentadbiran mampu mengoptimalkan proses kerja, menjimatkan kos dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Justeru teknolo-

gi terkini perlulah diperkasakan penggunaannya dan dimasukkan sebagai antara agenda utama pembangunan negeri.

"Di samping itu, adalah amat penting untuk kita melindungi dan memelihara alam sekitar. Usaha ini perlulah diambil kira dalam setiap agenda pembangunan yang dirancang dan memastikan setiap projek pembangunan yang dijalankan tidak memberi kesan yang negatif kepada alam," titah baginda.

Baginda turut mengucapkan tahniah kepada kesemua penerima pingat dan bintang kebesaran dan mengingatkan supaya memelihara kurniaan yang diberikan kerana ia mencerminkan martabat dan kehormatan Institusi Diraja Negeri Sembilan.

"Kurniaan ini merupakan tanda penghargaan atas jasa dan bakti yang telah diberikan, khususnya kepada beta, kerajaan beta dan Negeri Sembilan.

"Justeru, para penerima mempunyai amanah dalam menjaga kemuliaan dan pengiktirafan yang dikurniakan ini dengan memastikan imej, tata-susila, tingkah laku dan kepribadian masing-masing sentiasa terpelihara," titah baginda lagi.

Rafizi Ramli kini bergelar Datuk Seri

SEREMBAN - Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mendahului senarai 555 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kerajaan Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-77 Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir.

Ahli Parlimen Pandan yang juga Timbalan Presiden PKR itu dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) membawa gelaran Datuk Seri.

Lima individu pula dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Sunmit Ascent Holding Limited Datuk Chua Ming Huat dan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Datuk MK Ibrahim Abd Rahman.

Turut menerima anugerah itu ialah tiga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan iaitu

Mustapha Nagoor, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim dan Tengku Zamrah Tengku Sulaiman.

Selain itu, Pemegang Amanah Yayasan Munarah S Sheranjiv dianugerahkan Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut membawa gelaran Datuk.

Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) membawa gelaran Datuk dianugerahkan kepada 25 penerima termasuk Pengarah Peperangan Informasi Rejimen Semboyan Diraja Brigedier Jen Dr Adnan Aji; Pengarah Eksekutif Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Ayop Salleh; Ahli Dewan Undangan Negeri Jusseh Puan Sri Bibi Shariza Mohd Khalid dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan Ir Wan Hasnan Wan Musa.

Tuanku Muhriz turut berkenan mengurniakan Darjah

Setia Negeri Sembilan (DNS) kepada 28 penerima, Darjah Tuanku Muhriz (DTM) (empat), Darjah Pekerti Terpilih (DPT) (25) dan Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS) (73).

Sementara itu, tiga individu dikurniakan Setiawan Tuanku Muhriz (STM), Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC) (130), Pingat Jasa Kebaktian (PJK) (227), Bentara Tuanku Muhriz (BTM) (19) dan Pingat Khidmat Lama (PKL) (14).

Istiadat pengurniaan darjah kebesaran Negeri Sembilan berlangsung di Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti dekat sini pada Selasa bagi sesi pertama manakala sesi kedua pada 20 Januari dan sesi ketiga pada 25 Januari. - Bernama

Tuanku Muhriz berkenan mengurniakan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) membawa gelaran Datuk Seri kepada Rafizi.

